

93-2490

SALASILAH NAMA TEMPAT

S A B A H  
— & —  
S A R A W A K

AMRAN ABDULLAH  
& YUSMAN AYOB

NASKAH BEMBUHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

31 JUL 1993

BENERIT PRIMA SDN BHD

Cetakan Pertama 1993

ISBN 983-9665-78-2 (SIRD)  
983-9665-88-X

Persatuan Penerbit Buku Malaysia  
No.Ahli: 8702

APB 718655

3  
959.52  
AMR

\* © Hakcipta terpelihara.

Sebarang bahagian buku ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa  
cara sekalipun kecuali dengan izin bertulis daripada:

**PENERBIT PRISMA SDN BHD**

129, JALAN SS 25/2  
TAMAN MEWAH  
47301 PETALING JAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN



# NEGERI SABAH

Ahli sejarah mengatakan bahawa Pulau Borneo dahulu adalah sebahagian daripada tanah besar yang digelar *Sindaland*. Permukaan bumi kawasan itu telah mengalami perubahan yang banyak akibat gempa bumi dan letupan gunung berapi. Perubahan-perubahan itu berlaku secara berterusan hingga ke Zaman Paleolitik.

Kawasan yang kini dinamakan Sabah pernah juga disebut sebagai 'Api-Api'. Sebuah peta lama yang dibuat dalam abad keenam belas menyebut kawasan yang kini digelar Sabah sebagai *Fire Islands* (Pulau Api). Penjelasan yang paling dekat berkenaan dengan nama ini adalah berkaitan dengan gunung berapi berlumpur yang terdapat di Pulau Tiga (di antara Labuan dan Kota Kinabalu).

Penemuan-penemuan arkeologi di kawasan seperti Ting Kayu, Gua Madai dan tempat-tempat lain di timur Sabah membuktikan bahawa kawasan ini telah didiami manusia sejak 28,000 tahun yang lampau. Di samping itu, terdapat juga beberapa penemuan di Gua Gumantong yang menunjukkan adanya penempatan manusia semenjak 4,000 tahun dahulu.

Rujukan berkenaan dengan sejarah awal Sabah jarang terdapat dalam rekod-rekod lama penulis Cina atau Arab. Namun begitu, dalam tahun 1292, satu ekspedisi yang diutuskan oleh Maharaja Kublai Khan ada menyebut tentang kawasan yang dinamakan *Chinabatanan*, kawasan yang kini disebut Kinabatanan. Daripada rekod Inggeris pula terdapat catatan tentang Sabah yang dibuat oleh Kapten Alexander Dalrymple dan Mejar James Rennel, yang menjelajahi kawasan pantai barat Sabah hingga ke Pulau Balembangan.

Nama Sabah telah lama digunakan. Malah nama ini sudah digunakan sebelum kedatangan British ke Pulau Borneo lagi. Atas sebab-sebab yang tertentu, orang British tidak gemar menggunakan nama 'Sabah' dan menukarkannya kepada North Borneo (Borneo Utara). Mulai tahun 1881 nama ini digunakan dalam semua urusan rasmi mereka. Nama 'Sabah' digunakan semula apabila negeri itu menyertai Malaysia dalam tahun 1963.

Negeri Sabah pernah juga dikenali dengan nama *Seludang*. Nama 'Seludang' ini tersebut dalam syair Jawa karangan Prapancha, *Nagarakertagama* (1365). Ada



keterangan yang menunjukkan bahawa pusat negeri Seludang itu terletak di antara kawasan Teluk Marudu dan Tanjung Bangkota hingga ke Jambongan.

Sebenarnya nama Sabah mula digunakan dalam abad kelima belas oleh pelaut dan pedagang yang mengembara di antara kepulauan Sulu dan Brunei.

Nama Sabah dikatakan berasal daripada pisang saba yang sekarang disebut pisang menurun. Pisang saba ini juga kadang-kadang disebut sebagai pisang jaba oleh masyarakat Bajau. Nama Sabah digunakan kerana orang yang